

BULETIN ICT

NEGERI MELAKA

EDISI BULAN OKTOBER 2014

FOKUS

- ➔ Pengenalan Telefon Pintar
- ➔ Sejarah dan Evolusi
- ➔ Komponen Asas Telefon Pintar
- ➔ Sistem Pengoperasian Telefon Pintar

TOKOH




Frank Canova

Pencetus Idea
Telefon Pintar
Pertama Dunia

INFORMASI

- ➔ Panduan Beli Telefon Pintar
- ➔ 10 Telefon Pintar Popular 2014
- ➔ Pasaran Telefon Pintar Malaysia Oktober 2014



TELEFON PINTAR

(Smartphone)

OKT 2014



Penerbitan:



Sektor K-Ekonomi
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
Jabatan Ketua Menteri Melaka

Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM
Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Telefon merupakan satu medium komunikasi yang begitu penting dalam kehidupan. Statistik penembusan talian selular juga dikaitkan dengan kemajuan sesebuah negara, data rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk tahun 2012 misalnya menunjukkan kadar penembusan telefon selular per 100 penduduk di negeri Melaka ialah 143.6%, ini menggambarkan majoriti penduduk negeri Melaka memiliki lebih dari satu perkhidmatan telefon selular.

Jika dilihat dari segi sejarah, usaha membangunkan telefon pintar telah bermula sejak tahun 1971 oleh Theodore G. Paraskevako. Pada ketika itu telefon pintar didefinisikan sebagai telefon yang digandingkan dengan *Personal Digital Assistant* (PDA). Kini dengan perkembangan pelbagai inovasi terhadap setiap komponen telefon pintar dari segi pemroses utama, memori, penyoran, skrin paparan, kamera, peranti *input / output*, *connectivity*, sistem operasi dan perisian; ia telah

menyaksikan kehadiran sesuatu jenama yang digantikan dengan satu jenama yang lain, dan persaingan sengit ini telah memberi manfaat kepada pengguna yang boleh membeli sesebuah telefon pintar berspesifikasi tinggi dengan harga yang berpatutan.

Telefon pintar akan datang digambarkan mempunyai skrin beresolusi tinggi 2K dengan ciri-ciri teknologi Li-Fi, mudah lentur *organic light-emitting diode* (OLED), boleh dicaj menggunakan gelombang radio, TV mahupun dari selular dan WiFi. Telefon ini bakal berinteraksi dengan jam tangan yang dikenali dengan *handband*; mengeluarkan paparan holografi; mempunyai sistem pengawalan rumah pintar dan menjadikan pengalaman untuk berinteraksi menjadi suatu yang mengagumkan.

Pengguna telefon pintar tidak digalakkan untuk membeli telefon yang tercanggih di pasaran di sebabkan kadar pengeluaran model baru di pasaran begitu pantas, hampir setiap bulan ada inovasi dan model baru diperkenalkan, sebaliknya pengguna perlu membeli telefon pintar untuk kegunaan harian individu berkenaan.

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

ISI KANDUNGAN

FOKUS

Pengenalan Kepada Telefon Pintar	4
Sejarah dan Evolusi Telefon Pintar	5
Statistik Telefon Pintar	6
Komponen Asas Telefon Pintar	7
Sistem Pengoperasian Telefon Pintar	8

TOKOH

Frank Canova: Pencetus Idea Telefon Pintar Pertama Dunia	9
--	---

INFORMASI

Panduan Membeli Telefon Pintar	10
10 Telefon Pintar Popular Dunia 2014	11
Informasi ICT Oktober 2014	12
Pasaran Telefon Pintar Malaysia Okt 2014	13

PROGRAM

Senarai Program/Kursus ICT Okt 2014	14
Gambar Pelaksanaan Program ICT	15

Penaung

Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka

Penasihat

YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua Editor

Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan
Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka

Editor

Muaz bin Ghazali

Penerbit & Percetakan

Sektor K-Ekonomi,
Bahagian Teknologi Maklumat
dan Komunikasi,
Inkubator K-Ekonomi, Jln. Business City,
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.

No.Tel : 06-2324425/4436
No.Faks : 06-2331460
Emel : buletin@emelaka.gov.my
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Sektor K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Sektor K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.



Majlis Pengurniaan Pingat Jasa Pahlawan Negara



Majlis Rumah Terbuka Sempena Deepavali



Sembahyang Sunat Aidiladha di Masjid Al-Azim

Ikuti Perkembangan
Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron

[f Idris Haron](#) twitter.com/idrisharon66



Program Melaka Berselawat, Malam Cinta Rasul 2014 Negeri Melaka

Pengenalan Kepada Telefon Pintar



Telefon merupakan satu alat komunikasi yang telah menjadi satu kewajipan untuk dimiliki pada masa kini. Pelbagai jenis telefon telah diperkenalkan bermula daripada telefon ciptaan Alexander Graham Bell pada tahun 1876 sehingga ke hari ini, namun yang menjadi kegunaan masyarakat pada hari ini adalah telefon jenis pintar atau dikenali sebagai telefon pintar ataupun *smartphone*.

Tetapi apakah yang menjadikan sesuatu telefon itu sebagai pintar dan apa yang membezakan telefon pintar daripada jenis telefon yang lain terutamanya telefon selular? Telefon pintar adalah sejenis telefon selular namun memiliki keupayaan, fungsi, sistem pengoperasian dan aplikasi yang tidak dimiliki oleh telefon selular biasa. Secara ringkasnya, sebuah telefon pintar mempunyai pelbagai fungsi dan ciri-ciri yang dihipunkan dalam satu unit daripada pelbagai peranti elektronik yang lain seperti pembantu digital peribadi (PDA), kamera digital, mesin pengimbas dan pemain media.

Ciri-ciri Telefon Pintar

Sebuah telefon mudah alih boleh dianggap sebagai sebuah telefon pintar sekiranya mempunyai ciri-ciri seperti di bawah:

- Mempunyai sistem pengoperasian yang boleh menjalankan aplikasi
- Keupayaan untuk mengakses Internet
- Keupayaan untuk mengakses dan menguruskan media digital seperti muzik, video dan gambar
- Mempunyai papan kekunci QWERTY samada hadir sebagai satu perkakasan atau perisian
- Boleh menguruskan penggunaan e-mel

Ancaman Kepada Telefon Pintar

1. Virus dan Malware

Telefon pintar juga tidak lari dari diancam oleh virus seperti Trojan mahupun *malware*. Pengeluar produk anti-virus seperti Kaspersky telah berjaya mengesan lebih daripada 50,000 program berbahaya yang terdapat pada aplikasi telefon pintar

2. Serangan Rangkaian

Serangan jenis ini mengambil kesempatan daripada kelemahan sistem operasi dan aplikasi. Kemudian ia akan menghantar *malware* tanpa pengetahuan pengguna

3. Hilang/Dicuri

Kehilangan telefon pintar atau dicuri adalah ancaman keselamatan yang lazim terjadi pada masa kini. Apa yang lebih penting adalah maklumat sensitif pengguna terdedah kepada ancaman pihak yang tidak bertanggungjawab

4. Serangan Scam

Serangan *scam* juga sangat popular di kalangan pengguna telefon pintar. Cara serangan adalah melalui email, SMS, aplikasi rangkaian sosial seperti Facebook dan Twitter di mana pengguna akan menerima pautan laman sesawang yang palsu sebagai taktik untuk memperdayakan pengguna memberikan maklumat peribadi mereka seperti kata laluan.

5. Perbankan Mudah Alih

Serangan siber yang melibatkan urusan perbankan mudah alih dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa. Serangan dilakukan melalui program berbahaya seperti virus Trojan Zeus/ZeuS/Zbot di mana trojan ini akan mencuri maklumat sensitif pengguna seperti kata nama dan kata laluan untuk memasuki sistem perbankan mudah alih mangsa

Sejarah dan Evolusi Telefon Pintar

Sumber: pocketnow.com, www.techhive.com, www.bitrebels.com

1994



Simon Personal Communicator ciptaan IBM ini dipercayai telah terjual sebanyak 50,000 unit dan dihentikan pengeluarannya pada bulan Februari 1995

1996



Nokia 9000 mempunyai keupayaan untuk menggunakan aplikasi e-mel, faks, pemprosesan teks, *spreadsheets* mahupun melayari laman sesawang

1997



Syarikat Ericsson memperkenalkan konsep telefon pintar mereka iaitu GS88 yang juga dikenali ketika itu sebagai Penelope

2000



Syarikat Ericsson memperkenalkan model telefon pintar mereka yang diberi nama Ericsson R380 Smartphone pada tahun 2000 yang menggunakan Symbian OS

2007



Syarikat Apple memperkenalkan model iPhone pada 9 Januari 2007 dan merupakan telefon pintar pertama yang mempunyai antara muka pelbagai sentuhan

2008



HTC Dream adalah telefon pintar pertama yang menggunakan sistem pengoperasian Android. Ia diperkenalkan secara komersial pada bulan Oktober 2008

2012



Syarikat Samsung telah memperkenalkan telefon pintar mereka yang mampu berfungsi sebagai sebuah projektor

2013




Syarikat Samsung telah memperkenalkan model telefon pintar mereka yang mempunyai paparan lengkung pertama di dunia untuk pasaran Korea sahaja ketika itu

2014




Samsung Galaxy Note Edge diperkenalkan pada bulan September 2014. Ia merupakan telefon pintar pertama dunia yang mempunyai paparan yang bengkok.


KATEGORI : Sistem Pengoperasian



JUMLAH UNIT PENJUALAN DUNIA Q3, 2014



KOMPONEN ASAS TELEFON PINTAR



Komponen sesebuah telefon pintar menentukan bagaimana sebuah telefon pintar itu berfungsi. Tidak semua pengguna di Malaysia ini mengambil kisah mengenai perkara ini namun pengetahuan asas terhadap komponen sebuah telefon pintar dapat memberi kelebihan kepada pengguna dalam mendapatkan telefon pintar yang berkualiti dengan harga yang berpatutan. Berikut adalah senarai terperinci komponen yang biasanya ditemui dalam kebanyakan telefon pintar pada masa kini.

Dimensi Keseluruhan

Peranti Terkecil: 3.9" x 2" x 0.37" (99mm x 50mm x 9.4mm)
 Peranti Terbesar: 6" x 3.1" x 0.79" (99mm x 50mm x 9.4mm)

Berat

Peranti Teringan: 3.8 oz (107g)
 Peranti Terberat: 8.0 oz (227g)

Teknologi Skrin

Asas: Transflective TFT LCD (*Transflective Thin Film Transistor Liquid Crystal Display*)
 Standard: IPS LCD (*In-Plane Switching Liquid Crystal Display*)
 Prestasi: Super AMOLED (*Super Active-Matrix Organic Light Emitting Diode*)

Saiz Skrin

Asas: Kurang daripada 3 inci
 Standard: 3 inci sehingga 3.5 inci
 Prestasi: Lebih besar daripada 3.5 inci
 * Saiz skrin diukur secara menyerong dari sudut ke sudut

Resolusi Skrin

Asas: 480 x 320 piksel
 Standard: 800 x 480 piksel
 Prestasi: 960 x 640 piksel atau lebih

Densiti Skrin

Asas: Kurang daripada 200 piksel seinci
 Standard: Di antara 200 piksel hingga 250 piksel seinci
 Prestasi: Lebih daripada 250 piksel seinci

Bateri

Standard: Ketahanan sehingga 300 minit masa bercakap dan 146 jam dalam mod *standby*
 Prestasi: Ketahanan sehingga 575 minit masa bercakap dan 500 jam dalam mod *standby*

Sistem Pengoperasian

Setiap telefon pintar mesti mempunyai sistem pengoperasian antaranya iOS, Android, Windows Phone, Blackberry mahupun Symbian OS

Pemproses

Pemproses telefon pintar yang menggunakan reka bentuk ARM dihasilkan sebahagian besar pengeluar cip yang berbeza. Bagi telefon pintar yang menggunakan reka bentuk pemproses x86, ia dihasilkan khas oleh syarikat Intel

Pemproses Grafik/Video

Standard: Tiada
 Prestasi: Di antara cip PowerVR SGX atau Broadcom Adreno

Memori dan Storan

Asas: RAM: 256 MB
 Storan: kurang daripada 8 GB
 Kad microSD: sehingga 32 GB
 Standard: RAM: 1 GB
 Storan: Di antara 8 GB hingga 16 GB
 Kad microSD: sehingga 64 GB
 Prestasi: RAM: 2 GB ke atas
 Storan: Di antara 16 GB hingga 32 GB
 Kad microSD: sehingga 128 GB

Komunikasi Tanpa Wayar

Standard: Bluetooth, WiFi dan 3G
 Prestasi: Bluetooth, WiFi, 3G, dan 4G

Slot dan Port

Standard: 1 unit mikro HDMI
 1 unit Mini-USB atau Micro-USB
 1 unit slot miniSD atau microSDHC kad memori
 1 unit 3.5mm *headphone* atau *auxiliary microphone jack*


Peranti Input

Kebanyakan telefon pintar mempunyai paparan skrin sentuh dengan papan kekunci QWERTY sama ada *slide out*, *built-in* atau *on-screen*


Kamera

Asas: Satu kamera kebiasaannya terletak di belakang telefon
 Standard: Dua kamera. Kamera utama di belakang manakala satu kamera terletak di hadapan

STATISTIK TELEFON PINTAR



JUMLAH UNIT PENJUALAN DUNIA Q3, 2014











KATEGORI : Syarikat Pengeluar

Sumber: blogs.strategyanalytics.com

Sumber: www.ximix.biz

SISTEM PENGOPERASIAN TELEFON PINTAR

Sistem Pengoperasian adalah komponen infrastruktur asas perisian bagi sistem berkomputer dan ia mengawal semua operasi asas komputer atau peranti elektronik seperti telefon pintar. Namun keupayaan sistem telefon pintar tidak sama seperti keupayaan sebuah komputer. Oleh itu, telefon pintar menggunakan sistem pengoperasian yang direka khas untuk kegunaan mereka. Terdapat pelbagai jenis sistem pengoperasian tedapat di pasaran untuk pilihan para pengguna selain daripada sistem pengoperasian iOS dan Android yang menjadi pilihan utama kepada pengguna telefon pintar pada masa kini.

	SYARIKAT	KELUARGA OS	LESEN	VERSI (OKT 2014)	KEDAI APLIKASI
 Android	Google	Linux	Sumber Terbuka	4.4.4 KitKat	Google Play
 iOS	Apple	Darwin	Proprietari	8.1 iOS 8	iTunes
 Windows Phone	Microsoft	Windows NT 8+	Proprietari	8.10.14192.280 Window Phone 8.1	Windows Store
 BlackBerry 10	BlackBerry	QNX	Proprietari	10.2.1.3247 BlackBerry 10.2	BlackBerry World
 Tizen	Linux Foundation Samsung Intel	Linux	Sumber Terbuka	2.2.1 Tizen	Tizen Store
 Firefox OS	Mozilla Foundation	Linux	Sumber Terbuka	2.1.0 Firefox OS	Firefox Marketplace
 Sailfish OS	Jolla Sailfish Alliance	Linux	Sumber Terbuka	1.1.0.39 Uutukka	OpenRepos
 Ubuntu Touch	Canonical Komuniti Ubuntu	Linux	Sumber Terbuka	14.04 LTS Trusty Tahr	Ubuntu Apps Directory

SISTEM PENGOPERASIAN TELEFON PINTAR YANG TELAH DIBERHENTIKAN

Symbian

Symbian dibangunkan oleh Nokia untuk model telefon pintar tertentu mereka. Ia merupakan perisian proprietari dan diberhentikan pada tahun 2012.

Windows Mobile

Dibangunkan oleh Microsoft untuk telefon pintar dan juga Pocket PC. Digantikan dengan sistem pengoperasian Windows Phone yang diumumkan pada bulan Februari 2010.

WebOS

webOS adalah sistem pengoperasian berasaskan kernel Linux untuk telefon pintar yang dibangunkan oleh Palm kemudian dijual kepada syarikat LG Electronics.

Maemo


Maemo adalah platform yang dibangunkan oleh Nokia untuk kegunaan telefon pintar dan tablet mereka. Ia kemudiannya diserahkan kepada Hildon Foundation.

MeeGo

Dibangunkan oleh sukarelawan dari Linux Foundation menggunakan kod sumber dari sistem pengoperasian Moblin dan Maemo. Diberhentikan pada bulan September 2011.

Moblin

Ringkasan kepada 'Mobile Linux' yang digabungkan dengan Maemo untuk pembangunan projek MeeGo. Ia terhenti setelah MeeGo dan Maemo diberhentikan.



TOKOH

FRANK CANOVA

Arkitek Utama Telefon Pintar Pertama Dunia

Sumber: Wikipedia.org, info.groveis.com, dux.typepad.com

Nama beliau mungkin jarang dikenali oleh masyarakat dunia. Namun sumbangan beliau dalam penghasilan telefon pintar pertama dunia iaitu IBM Simon Personal Computer perlu diberikan perhatian dan penghargaan.

Beliau juga dikenali sebagai Frank Canova Jr. adalah jurutera yang bertanggungjawab dalam menghasilkan konsep telefon pintar yang mengandungi skrin sentuh, stylus, ikon, e-mel, kalkulator, kalendar dan juga permainan. IBM Simon ini diperkenalkan kepada pasaran pada tahun 1993.



PANDUAN MEMBELI TELEFON PINTAR



1 Sistem Pengoperasian

Sistem pengoperasian mempengaruhi keupayaan sebuah telefon pintar itu selain menawarkan perkhidmatan dan aplikasi yang berbeza kepada pengguna. Terdapat tiga sistem pengoperasian yang dominan di pasaran telefon pintar iaitu Android, iOS dan Windows Phone. Setiap sistem pengoperasian mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing.

2 Saiz

Saiz sesuatu telefon pintar adalah berbeza di antara satu sama lain. Ada pengguna yang menggemari saiz telefon pintar yang besar namun ada juga yang gemar pada saiz sederhana atas alasan-alasan tertentu mereka. Pemilihan saiz juga sangat penting kerana saiz telefon yang besar sudah memberikan kepuasan paparan kepada pengguna namun ada juga pengguna yang tidak menggemari saiz yang besar kerana bagi mereka ia adalah susah untuk diuruskan.

3 Pemproses & RAM

Pemproses telefon pintar adalah nadi utama kepada peranti dan pemproses yang paling laju dan terkini membolehkan pengguna merasai pengalaman menggunakan telefon pintar dengan laju, licin dan selesa. RAM atau *random-access memory* pula juga mempengaruhi bagaimanakah sesuatu telefon pintar itu beroperasi. RAM yang besar membolehkan pengguna membuka dan menukar aplikasi dari memori dengan cepat.

4 Storan

Pemilihan jumlah kapasiti storan yang disediakan adalah sangat penting kerana setiap maklumat, gambar dan video yang diambil perlu disimpan di dalam storan seperti kad mikroSD. Kapasiti storan yang besar bermakna lebih banyak maklumat dapat disimpan. Selain itu, ada sebahagian telefon pintar yang tidak menawarkan slot storan luaran untuk kad mikroSD.

5 Resolusi Skrin

Bagi pengguna yang inginkan suatu pengalaman yang menyeronokkan semasa menonton video dan permainan, resolusi skrin yang tinggi adalah pilihan kepada pengguna dalam memberikan kepuasan kerana resolusi yang tinggi akan memaparkan skrin yang lebih jelas dan tajam.

6 Bateri

Membeli telefon pintar bermakna pengguna perlu mengetahui berapa kapasiti bateri yang disediakan kerana penggunaan telefon pintar pasti menyebabkan jangka hayat bateri menjadi semakin singkat. Tidak semua telefon pintar mampu bertahan selama sehari tanpa pengecasan semula bateri. Semakin besar kapasiti bateri, semakin lama jangka hayat sesuatu telefon pintar. Selain itu, ada sebahagian telefon pintar yang tidak membenarkan baterinya ditanggalkan dan ini mengehendkan pengguna daripada membeli bateri tambahan.

7 Kamera

Penggunaan kamera pada telefon pintar adalah satu fungsi yang wajib kepada pengguna yang suka mengambil gambar mahupun video. Oleh itu, pengguna perlu melihat berapa banyak megapiksel kamera yang ditawarkan kerana semakin besar megapiksel sesuatu kamera pada telefon, sudah pasti semakin baik kualiti gambar mahupun video yang diambil. Selain itu, ada telefon pintar yang menawarkan dua jenis kamera dalam satu telefon pintar iaitu kamera utama yang kebiasaannya di belakang dan juga kamera hadapan yang kebiasaannya memiliki megapiksel yang lebih rendah dari kamera utama.

8 Harga

Sudah pasti harga menjadi faktor utama kepada pengguna untuk membeli sesebuah telefon pintar. Namun, pengguna diberikan pelbagai pilihan jenama telefon pintar dengan spesifikasi yang berbeza untuk dibandingkan sebelum melakukan sesuatu pembelian. Selain itu, pengguna juga perlu mengambil kira kos untuk mengakses Internet dengan menggunakan pelan data kerana pakej pelan data Internet juga menawarkan harga dan pakej yang berlainan di antara syarikat telekomunikasi.

9 Ciri Tambahan

Ciri tambahan yang dimaksudkan adalah ada sebahagian telefon pintar pada masa ini yang menawarkan ciri seperti kalis air dan debu selain ada juga yang mempunyai sensor cap jari. Ciri tambahan ini dilihat sebagai satu usaha untuk menarik minat pengguna membeli telefon pintar keluaran mereka.

10 Aksesori

Pengguna juga perlu meneliti tawaran aksesori yang disediakan kerana walaupun perkara ini dilihat remeh, pengguna pasti tidak mahu ditipu oleh penjual yang menawarkan telefon pintar dengan harga yang murah namun tidak disertakan sekali dengan aksesori. Aksesori ini penting kerana kebiasaannya pengeluaran telefon pintar menawarkan aksesori asas seperti *earphone*, pengecas bateri dan kabel USB kepada pengguna yang kebiasaannya adalah dari jenis mikro-USB namun bagi pengguna peranti mudah alih Apple, kabelnya dipanggil 'Lightning'.

10 TELEFON PINTAR PALING POPULAR TAHUN 2014

(sehingga Oktober 2014)

Sumber: www.techradar.com

7 HTC One M8 	2 iPhone 6 	3 LG G3
4 Samsung Galaxy Note 4 	5 iPhone 6 Plus 	6 Sony Xperia Z3 Compact
7 Nexus 6 	8 Sony Xperia Z3 	9 Moto X (2014)
		10 OnePlus One

APLIKASI TELEFON PINTAR PALING POPULAR

Facebook



Samsung Galaxy Note 4
Samsung Galaxy Note 3 Neo
Samsung Galaxy S5
HTC One M8
LG G3
Xiaomi Mi4
Huawei Honor 6

TELEFON PINTAR (IR BLASTER) 2014

TELEFON PINTAR PALING SELAMAT

Blackphone



Motorola Moto G 2014



TELEFON PINTAR (BUDGET) TERBAIK



PENGASAS ANDROID TINGGALKAN GOOGLE

Pengasas bersama sistem pengoperasian Android iaitu Andy Rubin dikatakan telah meninggalkan syarikat Google pada 30 Oktober 2014. Beliau adalah antara individu penting yang membangunkan Android sejak diambil alih oleh Google pada tahun 2005. Selain itu, beliau mempunyai tokoh kepimpinan yang diakui ramai serta wawasan yang dapat membantu Google bersaing dengan syarikat Apple dalam pasaran telefon pintar dunia.

Beliau juga sangat dikenali dengan berperanan mengasingkan pasukan pembangun Android daripada pekerja syarikat Google bertahun-tahun lamanya. Kini, beliau tidak lagi bekerja bersama Google dan tempat beliau digantikan dengan James Kuffner iaitu seorang saintis penyelidikan di Google. Beliau meninggalkan Google untuk memulakan projek Inkubator bagi syarikat permulaan yang membangunkan produk teknologi perkakasan.

TIADA LAGI NOKIA LUMIA

Berkuatkuasa pada 24 Oktober 2014, pihak Microsoft akan menukarkan nama produk Nokia Lumia kepada Microsoft Lumia sejajar dengan pengambil alihan perniagaan Peranti Nokia dan Perkhidmatan oleh Microsoft sebelum ini. Namun, pihak Microsoft masih lagi menjual dan menyokong produk Nokia Lumia yang telah berada di pasaran seperti Lumia 830 dan Lumia 730/735.

50%

ALIRAN TRAFIK YOUTUBE ADALAH DARI PENGGUNA PERANTI MUDAH ALIH

MOTOROLA KINI SEBAHAGIAN DARIPADA LENOVO

Lenovo akhirnya melengkapkan pemilikan ke atas Motorola pada 30 Oktober 2014 menurut blog rasmi mereka dengan transaksi pemilikan yang berjumlah *USD 2.91 billion* iaitu kira-kira RM 9.6 bilion.

Dengan lengkapnya pemilikan ini, blog rasmi Lenovo telah menyenaraikan "5 Perkara Yang Perlu Pengguna Tahu" mengenai perjanjian di antara Lenovo dengan Motorola. Lima perkara tersebut adalah:

1. Motorola-Lenovo akan menjadi kuasa utama dalam industri telefon pintar dunia.
2. Motorola dan Lenovo berkongsi sejarah inovasi
3. Motorola dan Lenovo juga berkongsi sejarah di angkasa
4. Penggabungan baru ini memperlihatkan produk-produk yang pasti dinantikan
5. Peminat Motorola akan mendapati bahawa mereka mempunyai banyak persamaan dengan peminat Lenovo tertutamanya produk ThinkPad

KOMPUTER APPLE-1 DILELONG PADA HARGA RM 2.95 JUTA



Pasaran Telefon Pintar Malaysia Bulan Oktober 2014



Motorola Moto G (2014) Samsung Galaxy Note 4 Sony Xperia E3 Asus PadFone S

	Motorola Moto G (2014)	Samsung Galaxy Note 4	Sony Xperia E3	Asus PadFone S
CIP PEMROSESAN	Snapdragon Quad-core 1.2 GHz Cortex-A7	Qualcomm Snapdragon 805 Octa-Core 1.9GHz, 1.3GHz	Qualcomm Snapdragon 400, Quad-core 1.2 GHz Cortex-A7	Qualcomm Snapdragon 801, 2.5 GHz, Quad-core 2.3 GHz Krait 400
PAPARAN	5.0 inci (141.5 x 70.7 x 11 mm)	5.7 inci (153.5 x 78.6 x 8.5 mm)	4.5 inci (137.1 x 69.4 x 8.5 mm)	5.0 inci (143.4 x 72.5 x 10 mm)
SISTEM OPERASI	Android 4.4 (KitKat)	Android 4.4 (KitKat)	Android 4.4 (KitKat)	Android 4.4 (KitKat)
RAM	1 GB	3 GB	1 GB	2 GB
STORAN	8 GB (kad microSD - 32 GB)	32 GB (kad microSD - 128 GB)	4 GB (kad microSD - 32 GB)	16 GB (kad microSD - 64 GB)
KAMERA	8 MP (utama) 2 MP (hadapan)	16 MP (utama) 3.7 MP (hadapan)	5 MP (utama) VGA (hadapan)	13 MP (utama) 2 MP (hadapan)
BATERI	2070 mAh	3220 mAh	2330 mAh	2300 mAh
BERAT	149 g	176 g	144 g	150 g
HARGA	RM 688	RM 2499	RM 659	RM 899

Sumber: Amanz.my, gsmarena.com



PROGRAM / KURSUS ICT

Sektor K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus buat rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka

PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS ICT BULAN OKTOBER 2014

Bengkel E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)	1hb-2hb Oktober 2014	Pusat ICT Negeri Melaka, UTC
Bengkel Pembangunan Joomla Kerjasama Kolej Komuniti Tangga Batu	15hb-16hb Oktober 2014	Pusat ICT Negeri Melaka, UTC
Seminar Kepenggunaan dan GST	16hb Oktober 2014	Auditorium Seri Negeri
Seminar Pengkomersialan Produk Inovasi	20hb Oktober 2014	Auditorium Seri Negeri
Bengkel Adobe Photoshop Kerjasama KEMAS Negeri Melaka	20hb Oktober 2014	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi
E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) Kakitangan PERZIM Negeri Melaka	23hb-24hb Oktober 2014	Pusat ICT Negeri Melaka, UTC
Bengkel Biro Teknologi Maklumat dan Komunikasi, DMDI	27hb Oktober 2014	Hotel Hatten, Melaka
Latihan ICON Apps Windows Phone 8.1	27hb-31 Oktober 2014	Bilik Seminar Inkubator K-Ekonomi
Bengkel Suntingan Gambar: Adobe Photoshop	29 Oktober 2014	SMK St. Francis Bandar Hilir, Melaka
Bengkel Suntingan Video: Corel Video Studio X4	29 Oktober 2014	SMK St. Francis Bandar Hilir, Melaka

* Semua jenis program/kursus ICT yang dianjurkan oleh Sektor K-Ekonomi adalah PERCUMA



Bengkel E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)
1hb - 2hb Oktober 2014



Bengkel Joomla! Kolej Komuniti Tangga Batu
15hb - 16hb Oktober 2014



Seminar Kepenggunaan dan GST@Auditorium
16hb Oktober 2014



Seminar Pengkomersialan Produk Inovasi
20hb Oktober 2014



Bengkel Adobe Photoshop KEMAS Melaka
20hb Oktober 2014



Bengkel Corel Video Studio X4 SMK St. Francis
29hb Oktober 2014

SYARIKAT PENGELUAR TELEFON PINTAR DI PASARAN MALAYSIA



Acer
www.acer.com.my
(Taiwan)



Alcatel
www.alcatelonetouch.com/ml
(Perancis)



Apple
www.apple.com/my
(Amerika Syarikat)



Asus
www.asus.com/my
(Taiwan)



BenQ
www.benq.com.my
(Taiwan)



BlackBerry
global.blackberry.com/en/
(Kanada)



HTC
www.htc.com/sea
(Taiwan)



Huawei
www.huawei.com/my
(China)



LG
www.lg.com/my
(Korea Selatan)



Lenovo
www.lenovo.com/my/en
(China)



Microsoft Mobile
www.nokia.com/my-en
(Amerika Syarikat)



Motorola
www.motorola.com
(Amerika Syarikat)



Nokia
www.nokia.com/my-en
(Finland)



Oppo
www.oppomobile.com.my
(China)



Samsung
www.samsung.com/my/home
(Korea Selatan)



Sony
www.sony.com.my
(Jepun)



Vivo
www.vivo.my
(China)



Xiaomi
www.mi.com/my
(China)